

Aktiviti-aktiviti BKS sepanjang bulan Januari—Februari 2008 :-



Buletin ini akan diterbitkan setiap dua (2) bulan

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN TAMBAHANBAGI KADAR SEMAKAN YURAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BATU PAHAT DAN BANGUNAN PERSEKUTUAN KLUANG

23 April 2008 (Rabu) - Satu majlis menandatangani dokumen Perjanjian Tambahan Semakan Semula Kadar Harga Untuk Kerja-kerja Pengurusan Dan Penyenggaraan Bangunan GUNASAMA Persekutuan Batu Pahat dan Bangunan GUNASAMA Persekutuan Kluang untuk kali ke-2 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Seroja di tingkat 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya. Bagi pihak Kerajaan telah diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Munit Bin Kasmin dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Y. Bhg. Dato' Haji Jauhari Bin Taib, manakala bagi pihak Ambang Wira Sdn. Bhd. telah diwakili oleh Pengarah Syarikat, En. Azmir Merican Bin Dato' Azmi Merican dan disaksikan oleh Pengarah Urusan, En. Taha Bin Sheikh Mohammad serta ahli-ahli lembaga pengarah syarikat konsesi Ambang Wira Sdn. Bhd yang lain.

Sumber-Unit Penyenggaraan Bangunan, BKS

KURSUS 'BUILDING AUTOMATION SYSTEM'

5 Mac 2008 (Rabu) - Bertempat di Hotel Vistana, Kuala Lumpur, Bahagian ini telah mengadakan satu kursus berkenaan 'Building Automation System (BAS)' iaitu satu kursus bagi sistem pemantauan untuk bangunan. Kursus selama sehari ini telah dihadiri oleh warga kerja Bahagian Kawalselia Penyenggaraan yang terlibat secara langsung di dalam sistem pemantauan bangunan. Buat permulaan, sistem ini telahpun dipasang di bangunan Rumah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sistem ini berupaya untuk memantau dan mengawal segala peralatan dan fasiliti mekanikal yang terdapat di dalam sesebuah bangunan. Ia termasuklah sistem penghawa dingin, sistem elektrik, sistem pencegahan kebakaran dan sistem lif.

Sumber-Unit Penyenggaraan Bangunan, BKS

EKSPEDISI JALAN PERSEKUTUAN 2008 (ZON SELATAN)

18 April 2008 (Jumaat) - Kementerian Kerja Raya telah mengadakan satu ekspedisi Jalan Persekutuan 2008 bermula pada 18 hingga 20 April 2008. Ekspedisi ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Munit bin Kasmin pada 18 April 2008 jam 8.00 pagi. Laluan ekspedisi yang terlibat adalah daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru menggunakan FT001 dan FT005. Ekspedisi ini telah disertai seramai 55 orang pegawai dari Kementerian Kerja Raya dan telah melibatkan 20 buah kereta.

Objektif ekspedisi ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan aset jalan KKR kepada warga KKR dan mengenalpasti kekurangan dan penambahbaikan yang perlu dibuat oleh KKR di dalam penyenggaraan jalan persekutuan.

Sumber—Unit Penyenggaraan Jalan, BKS



Penaung : Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Munit Bin Kasmin

Penasihat : Y. Bhg. Dato' Haji Nasir Bin Mat Dam

Ketua Editor : En. Embok Masek Bin Md. Taher

Editor : En. Norazreen Bin Mustapa

Wartawan (1) : Pn. Dirayah Binti Dollah

Wartawan (2) : En. Muhamad Fathi Bin Ahmad Murad

Wartawan (3) : En. Mad Azmi Bin Sulaiman

Sidang Redaksi

MAJLIS PERSARAAN DATO' HAJI JAUHARI BIN TAIB DAN PERTUKARAN PUAN NORAZLINA BINTI IBRAHIM

7 Mei 2008 ((Rabu) - Satu majlis bagi meraikan persaraan Dato' Haji Jauhari Bin Taib dan pertukaran Pn. Norazlina Binti Ibrahim telah diadakan bertempat di Bilik Gerakan KKR di tingkat 6, Blok A, Kompleks Kerja Raya.. Pn. Norazlina Binti Ibrahim telah mula berkhidmat di Bahagian Kawalselia Penyenggaraan pada 1 Jun 2005 dan akan bertukar ke Pejabat TKSU(P) bermula pada 21 April 2008. Selamat maju jaya di ucapkan kepada Pn. Norazlina Binti Ibrahim.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung majlis persaraan Dato' Haji Jauhari bin Taib. Beliau telah dilahirkan pada 25 April 1952 di Machang, Kelantan. Beliau menerima pendidikan awal di Sek. Keb. Paloh Rawa Machang, Kelantan dan meneruskan Pendidikan Menengah di Sek. Men. Rendah Pangkal Meleret Machang, Kelantan, kemudian ke Sek. Men. Hamzah Machang, Kelantan dan sehinggalah ke Sek. Men. Ismail Petra Kota Bharu Kelantan. Setelah itu beliau telah melanjutkan pelajaran ke ITM Petaling Jaya, Selangor. Pada tahun 1977, Y. Bhg. Dato' Haji Jauhari bin Taib telah melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia dan telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian di Universiti Tsukuba, Jepun dan telah dikurniakan Master's in Economics pada 25 Mac 1986. Dengan semangat dan azam yang tinggi untuk berbakti kepada negara tercinta, beliau telah menyertai perkhidmatan awam pada 22 September 1977 dan dari situlah bermulanya kerjaya beliau sebagai seorang Pegawai Tadbir Diplomatik.

Tanggal 9 Mac 1979 merupakan satu tarikh yang pasti tidak dapat dilupakan oleh beliau apabila telah diijakabulkan dengan Y. Bhg. Datin Puteh binti Baba. Hasil perkongsian hidup selama 29 tahun beliau telah dikurniakan 2 orang cahaya mata.

Beliau telah berkhidmat di Bahagian Kawalselia Penyenggaraan sejak dari mulanya penubuhan bahagian ini iaitu pada tahun 2001. Sebagai Pengarah Bahagian Kawalselia Penyenggaraan ketika itu, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelia

Di atas segala usaha dan sumbangan yang sangat bermakna dan jasa beliau kepada agama, bangsa dan Negara beliau telah dianugerahkan Kesatria Mangku Negara (K.M.N) pada 21 Februari 2006 dan Pengurniaan Ahli Yang Ketiga (Paduka) Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (P.S.K) pada 8 Mac 2007. Pada 10 Julai 2008 pula beliau telah mendapat Pengurniaan Dato' Paduka Tuanku Jaafar (D.P.T.J) yang membawa gelaran Dato'.

Seluruh warga KKR pasti akan merasai kehilangan seorang Pengarah yang berpengetahuan dan berpengalaman yang juga merupakan seorang pemimpin yang berkaliber serta segala jasa yang dicurahkan oleh Y. Bhg. Dato' Haji Jauhari bin Taib akan menjadi pedoman kepada kita semua.

Selamat Bersara DATO' HAJI JAUHARI BIN TAIB.

Sumber-Unit Khidmat Pengurusan, BKS

